



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**15 Januari 2025
15 Rejab 1446H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|-------------------|---|
| Utusan Malaysia | • |
| Berita Harian | • |
| Harian Metro | • |
| Kosmo ! | • Ikan sungai jadi rezeki tambahan penduduk kampung |
| Sinar Harian | • Labuan berpotensi jadi hab utama industri tuna global |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| The Sun | • |
| Malaysiakini | • |
| Bernama | • |
| Borneo Post (KK) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sabah Media | • |

JENIS AKHBAR

| | | | | | | | | | |
|---------------------------|--|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO! | / | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | / | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 14 | 15/1/2025 |

Ikan sungai jadi rezeki + tambahan penduduk kampung

KLUANG – Kejadian banjir yang berlaku di Kampung Contoh di sini menjadi punca rezeki tambahan kepada penduduk apabila memperoleh ikan sungai melalui jaring yang dipasang di kawasan dinaiki air di kampung itu.

Ada penduduk mampu menajana pendapatan ratusan ringgit selepas mendapat tangkapan puluhan kilogram ikan sehari.

Seorang penduduk, Mohd. Nor Izam Abd. Rashid, 39, berkata, sejak bermula banjir pada Sabtu lalu, dia memperoleh 20 kilogram pelbagai jenis ikan sehari daripada jaring yang dipasang dalam kebun kelapa sawit berhampiran rumahnya.

Katanya, tangkapan dikutip tiga kali sehari iaitu pada waktu pagi, tengah hari dan lewat petang dengan setiap kutipan mampu memperolehi hasil antara 5 hingga 8 kilogram bergantung pada tempat jaring dipasang.

“Jika keadaan banjir seperti ini, saya boleh pasang jaring kira-kira seminggu dari hari pertama berlaku kenaikan air hingga surut, bergantung pada keadaan cuaca.

“Hasil jualan juga bergantung pada jenis ikan diperolehi antaranya lampam, baung, jelawat, patin dan lain-lain,” katanya di sini semalam.

Katanya, kebanyakan tempahan adalah daripada penduduk di pekan Kahang dan pelang-



MOHD. NOR IZAM menunjukkan ikan sungai hasil daripada jaring yang dipasang dalam kebun kelapa sawit di Kampung Contoh di Kahang, Kluang semalam.

“

Jika keadaan banjir seperti ini saya boleh pasang jaring kira-kira seminggu dari hari pertama berlaku kenaikan air hingga surut, bergantung pada keadaan cuaca.”

gan mahu ikan yang sudah siap disiang.

Katanya, banjir di kampung ini boleh diibaratkan sebagai “durian runtuh” kepada penduduk yang rajin memasang jaring di celah-celah pokok kelapa sawit di dalam kampung.

“Bagaimanapun, keselamatan tetap jadi perkara utama dan pemasangan jaring perlu menggunakan perahu serta tidak akan meranduk di tempat dalam kerana bahaya boleh datang dalam pelbagai cara,” katanya.

JENIS AKHBAR

| | | | | | | | | |
|---------------------------|--|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|------------|------------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | / | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | / | NEGATIF | | NEUTRAL | | 30 | 15.01.2025 |

EKONOMI

Labuan berpotensi jadi hab utama industri tuna global

LABUAN - Industri tuna yang telah lama bertapak di pulau bebas cukai, Labuan berpotensi untuk terus berkembang, sekali gus menawarkan manfaat besar kepada ekonomi tempatan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, hasil daripada rangkaian perniagaan antarabangnya, Labuan kini berpotensi untuk muncul sebagai hab utama global bagi industri tuna.

"Hari ini (Selasa) saya melawat Labuan Food Industries yang terlibat dalam sektor tuna dan saya bangga apabila mengetahui industri ini berjaya menembusi pasaran antarabangsa," katanya selepas melakukan lawatan ke syarikat tersebut di Patau-Patau di sini pada Selasa.

Menurut Dr Zaliha, Labuan Food Industries merupakan pemain utama dalam bidang perikanan komersial, pembuatan, pengeksporan dan perdagangan makanan laut sejuk beku khususnya tuna sejak 35 tahun lalu.

"Labuan Food Industries tampil



Dr Zaliha (tengah) mendengar taklimat daripada Ketua Pegawai Eksekutif Labuan Food Industries, Lee Wei Sheng (kiri) semasa sesi lawatan ke kilang tuna di Labuan pada Selasa.

sebagai pengeksporan utama tuna ke pasaran utama termasuk Amerika Syarikat, Eropah dan Oceania.

"Syarikat ini menyediakan teknologi pemprosesan terkini seperti sistem pembekuan pada suhu serendah -60 darjah Celsius bagi memastikan produk tuna mereka berada pada kualiti terbaik," katanya.

Jelas beliau, industri tuna global kini bernilai kira-kira AS\$42 bilion (AS\$1=RM4.49) dan dijangka me-

ningkat kepada AS\$54 bilion pada 2032.

"Lokasi Labuan yang strategik menyediakan peluang unik bagi pulau itu untuk memainkan peranan utama dalam industri ini yang semakin berkembang.

"Labuan juga berpotensi besar berubah menjadi hab pemprosesan tuna bertaraf dunia, menjana nilai ekonomi besar kepada komuniti tempatan," katanya. - *Bernama*